

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 10 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 3**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1433-MQT1053  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di tujuh negeri yang bermula pada 9 November 2020.
  
2. PR-1433-MQT1057  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan rasional untuk menutup sekolah di seluruh negara termasuk kawasan hijau COVID-19 dan menangguhkan peperiksaan awam dan rancangan Kementerian untuk membantu pelajar yang tiada kemudahan internet dan komputer riba terutamanya di kawasan pedalaman.
  
3. PR-1433-MQT1039  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kluster yang menyebarkan pandemik COVID-19 di negara ini dan nyatakan bilangan yang telah berjaya dikawal sepenuhnya dan bilangan kluster yang masih aktif terkini dan setakat manakah kluster-kluster ini telah memberi kesan kepada penyebaran COVID-19 di negara ini.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 10 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 33**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1433-L10271  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan pasca Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) wabak COVID-19 bagi membantu rakyat yang kehilangan sumber pendapatan atau pun yang pendapatan mereka yang semakin mengecil akibat daripada potongan gaji dan sebagainya.
  
2. PR-1433-L10686  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan dan langkah-langkah yang diambil untuk pembangunan semula seperti PPR Lembah Subang 1 setelah Kerajaan mengambil alih PPR tersebut untuk membendung kemerosotan bangunan dan kualiti kehidupan penghuni.
  
3. PR-1433-L10292  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perancangan terkini bagi memantapkan gred hakiki perjawatan Guru Besar dan Penolong Kanan Sekolah Kebangsaan (SK) di seluruh negara.

4. PR-1433-L10081  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah statistik dan angka graduan di IPTA dan IPTS pada tahun ini dan apakah langkah-langkah pihak Kementerian dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dalam menangani isu pengangguran di kalangan graduan baru.
5. PR-1433-L10884  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan cadangan pelan masa panjang terhadap langkah untuk meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.
6. PR-1433-L11020  
**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan inisiatif sedia ada dan akan datang Kementerian bagi mengatasi masalah capaian internet dengan lebih luas, laju, murah dan berkesan serta berapa peratuskah tahap capaian internet di kawasan pinggir dan luar bandar susulan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB).
7. PR-1433-L10403  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memperkenalkan aktiviti berkaitan aplikasi berasaskan sains teknologi seperti Pencetakan 3D, Robotik, Koding dan Minggu Sains Negara ke kawasan luar bandar dan pedalaman seperti di Sarawak.
8. PR-1433-L10137  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah Kementerian akan menaik taraf (melalui peruntukan JALB) Jalan Sinulihan, Jalan Wasai, Jalan Kitapol, Jalan Giuk, Jalan Gonipis, Jalan Poturidong, Jalan Mongkonihab, Jalan Rungus Nahaba, Jalan Togop dan Jalan Tiong Monggis di kawasan Parlimen Tuaran.
9. PR-1433-L10376  
**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang telah diambil dalam memastikan pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dapat membuat persediaan yang cukup seperti mana pembelajaran yang formal sebelum negara dilanda pandemik COVID-19.

10. PR-1433-L10597  
**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menyediakan bantuan kepada pengusaha zoo yang menghadapi kemerosotan dari segi ekonomi hingga menyebabkan kebajikan hidupan liar terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.
11. PR-1433-L10901  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah JENDELA (Jalinan Digital Negara) dapat menyelesaikan masalah rangkaian internet luar bandar yang masih belum mendapat 4G seperti di Setiu.
12. PR-1433-L10301  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil terhadap pemaju-pemaju yang memberi gambaran yang salah kepada pembeli-pembeli sebagai 'menjual' rumah sedangkan mereka sebenarnya 'menyewa' di bawah skim pajakan swasta seperti di The Meridin @ Medini di Johor Bahru dan tindakan untuk menghentikan amalan tersebut.
13. PR-1433-L11262  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan rakyat negara ini yang tinggal di kawasan pedalaman Kelantan, Sabah dan Sarawak mendapat bekalan air bersih.
14. PR-1433-L11420  
**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kucar-kacir dan sikap tidak bertanggungjawab mengenai keputusan menghantar balik pelajar-pelajar yang perlu mendaftar secara fizikal di kampus masing-masing yang mengakibatkan NGO dan NGI seperti Ebit Liew terpanggil untuk membantu pelajar-pelajar yang terkandas.
15. PR-1433-L10574  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah kes buli siber yang telah dilaporkan kepada pihak Kementerian; dan
  - (b) apakah usaha berterusan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengekang perbuatan buli siber.

16. PR-1433-L10395  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah pemberian tahunan setiap tahun oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap negeri di bawah Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan serta asas unjuran terkini yang diguna pakai dalam pengiraan.
17. PR-1433-L10540  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan program yang sudah dilaksana dan yang dalam perancangan bagi mengurangkan penghijrahan belia dari desa ke kota dan usaha Kementerian agar kehidupan di desa itu menjadi lebih baik.
18. PR-1433-L10454  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT) yang telah dilantik bersama dengan gred yang terlibat. Apakah fungsi PeKT yang dilantik dan kos yang terlibat.
19. PR-1433-L10536  
**Tuan Yamani Hafez bin Musa [ Sipitang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam usaha meningkatkan pembangunan infrastruktur luar bandar khususnya memberi penumpuan jalan-jalan raya utama di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.
20. PR-1433-L10705  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah fiskal untuk mengatasi kadar pengangguran yang meningkat kepada 1 juta orang seperti mana yang disebut oleh YB Menteri Sumber Manusia dan adakah unjuran pertumbuhan ekonomi akan diturunkan untuk mencerminkan kesan gelombang ketiga COVID-19.
21. PR-1433-L10455  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah status pembukaan bidaan 'Large Scale Solar 4' (LSS 4) dan apakah rancangan Kementerian untuk memastikan pencapaian 20% penjanaan elektrik sumber tenaga baharu menjelang tahun 2025.

22. PR-1433-L10727  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah terkini aset Khazanah Nasional dan apakah terdapat sebarang usaha untuk menjual atau menggabungkan aset-aset yang dimiliki oleh Khazanah Nasional.
23. PR-1433-L10813  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Lumut ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pertimbangan-pertimbangan Kerajaan memberikan bantuan kewangan sebanyak RM1 bilion kepada syarikat penerbangan swasta AirAsia berbanding syarikat penerbangan Malaysia Airlines.
24. PR-1433-L10984  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa masih ramai pelajar dalam negara ini yang tidak mampu memiliki komputer untuk mengikuti program pembelajaran atas talian yang terpaksa dibuat disebabkan oleh pandemik COVID-19. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasinya.
25. PR-1433-L10965  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan pecahan kaum di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Swasta antara tahun 2010 hingga hari ini.
26. PR-1433-L11015  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah yang dibelanjakan di bawah Bajet 2019 berkenaan peruntukan RM60 juta untuk mengganti rugi Kerajaan negeri yang sudah melaksanakan usaha melindungi hutan untuk tujuan pemuliharaan.
27. PR-1433-L10806  
**Dr. Maszlee bin Malik [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sebab mengapa setakat ini tiada penganugerahan 'Tokoh Akademik Negara' untuk tahun 2020 diberi kepada mana-mana ahli akademik.
28. PR-1433-L10293  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan inisiatif yang dilakukan menerusi Program DesaMall@KPLB bagi membantu usahawan luar bandar yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk meneruskan perniagaan mereka melalui platform dalam talian.

29. PR-1433-L10926  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menaik taraf capaian kelajuan internet di Pasir Mas khususnya kawasan berhampiran sempadan antarabangsa Thailand-Malaysia.
30. PR-1433-L11107  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Damansara ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan penyelesaian antara kerajaan Malaysia dan Goldman Sachs mengenai kes 1MDB, terutamanya mengenai jumlah pampasan yang telah dibayar dan dijamin oleh Goldman. Adakah pampasan ini akan digunakan untuk membayar hutang 1MDB pada masa yang akan datang.
31. PR-1433-L10361  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan proses terkini pelaksanaan Program 'Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu' (APEL) yang diperkenalkan tahun 2016, khasnya di kalangan kumpulan usahawan tani.
32. PR-1433-L10320  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menyegerakan langkah mengatasi masalah pencemaran bau dan air limpahan '*leachate*' dari Pusat Pelupusan Sampah di Sungai Udang, Melaka yang semakin serius menjejaskan keselesaan kebajikan dan kepentingan penduduk.
33. PR-1433-L11061  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab prestasi pasaran saham tempatan melonjak ketika penularan wabak COVID-19 dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan.
34. PR-1433-L10682  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjung Manis ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan untuk menambah baik jaringan telekomunikasi 3G atau 4G di kawasan Sare, Krubong, Mupong, Paloh, Berangan dan Utara Pulau Brait memandangkan kawasan-kawasan ini selalu menghadapi masalah capaian telekomunikasi dan internet.

35. PR-1433-L10332  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah sebabnya kes buli di sekolah semakin meningkat dan apa langkah-langkah penyelesaian yang sewajarnya diambil oleh pihak Kementerian, sekolah dan ibu bapa.
36. PR-1433-L11322  
**Tuan R. Sivarasa [ Sungai Buloh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian akan melaksanakan tabika elit seperti yang dicadangkan oleh KEMAS baru-baru ini. Bukankah keutamaan pertama Kerajaan untuk membaik pulih ribuan premis tabika KEMAS yang masih dalam keadaan uzur khususnya di Sabah dan Sarawak.
37. PR-1433-L10197  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan dan jumlah kontrak rundingan terus selepas Perikatan Nasional mengambil alih Kerajaan Persekutuan.
38. PR-1433-L10556  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kadar keciciran di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pendidikan tertiar semasa tempoh pandemik tahun ini.
39. PR-1433-L10365  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan status terkini LSS@MENtARI. Senaraikan harga tawaran atau 'Offer Price' dari sepuluh pembida yang terendah untuk Pakej 1 dan 2.
40. PR-1433-L10603  
**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan Projek pembangunan sistem e-Tanah sepatutnya meningkatkan produktiviti serta memberi kemudahan kepada orang awam berkaitan pengurusan tanah di Pejabat Tanah dan Galian Negeri dan Pejabat Tanah (PTG) dan Daerah (PDT). Apakah faedah dan impak pelaksanaan dan pembangunan sistem ini kepada orang ramai dan Kerajaan.
41. PR-1433-L10335  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai dana kecemasan yang kukuh bagi membantu pelajar-pelajar yang terjejas kebajikan mereka akibat jadual semester yang bertukar-tukar akibat pandemik COVID-19.

42. PR-1433-L10997  
**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sepanjang tempoh 5 tahun kebelakangan ini, berapa jumlah peningkatan pelajar sekolah rendah dan menengah yang terlibat dengan kegiatan penagihan dadah. Adakah bilangan semakin meningkat.
43. PR-1433-L11234  
**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jurang pendidikan dan pembelajaran antara pelajar-pelajar berkemampuan dan pelajar-pelajar dari keluarga mudah terjejas semakin ketara apabila persekolahan semakin memerlukan akses internet dan komputer. Apakah usaha Kementerian untuk memastikan pelajar-pelajar tidak terus ketinggalan dalam pendidikan masing-masing.
44. PR-1433-L10714  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan projek rundingan terus yang diluluskan oleh kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2013-2018 dan projek rundingan terus yang diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dari 2018- Februari 2020 serta projek rundingan terus yang diluluskan oleh Kerajaan Perikatan Nasional sejak 1 Mac 2020 hingga 31 Oktober 2020. Senaraikan nama projek, kontraktor, Kementerian dan peruntukan yang terlibat secara terperinci.
45. PR-1433-L10865  
**Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [ Temerloh ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk mengekang aktiviti pencerobohan dan kecurian sumber alam seperti pencerobohan hutan, mineral, pasir dan pemburuan haram dari terus berleluasa dengan penggunaan teknologi '*state of the art*' seperti *drone*, *remote sensing*, *Light Detection and Ranging (LIDAR)* dan seumpamanya.
46. PR-1433-L11101  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kesan pandemik COVID-19 terhadap pendidikan murid-murid Tahun 1 hingga 6, dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah jurang pembelajaran (*learning gap*) ini.
47. PR-1433-L11313  
**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan keputusan terkini selepas mengkaji semula kelulusan Pembukaan Institusi Baharu (PIB) bagi SMJK Heng Ee 2, Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri Kerajaan Pakatan Harapan (PH).

48. PR-1433-L10653  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perincian Pelan Pelaksanaan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (*The National Fiberisation and Connectivity Plan*) di Sabah dan Sarawak, rancangan mengikut daerah, dan garis masa projek-projek.
49. PR-1433-L10793  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian dalam menyediakan kemudahan rumah mampu milik kepada rakyat.
50. PR-1433-L11395  
**Datuk Mohd. Azis bin Jamman [ Sepanggar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan semula moratorium secara automatik kepada rakyat Sabah memandangkan kehidupan dan pendapatan mereka terjejas teruk sejak gelombang ketiga COVID-19 melanda Sabah.
51. PR-1433-L10234  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan mekanisme baru yang akan memudahkan penyampaian bantuan kepada rakyat yang tinggal kawasan luar bandar dan pedalaman dalam berhadapan dengan pandemik COVID-19.
52. PR-1433-L10990  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan perniagaan dalam tahun ini khususnya selepas wabak COVID-19. Huraikan semua dana yang diketepikan buat perkara ini apakah tujuannya dan pelaksanaannya sehingga sekarang.
53. PR-1433-L10557  
**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kerajaan dalam menangani kejatuhan kutipan hasil untuk tahun 2020 ketika negara berdepan melawan pandemik COVID-19 serta kejatuhan harga minyak mentah sedunia.

54. PR-1433-L11159  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan di era pembelajaran di atas talian, apakah bentuk bantuan yang telah dan akan diberikan oleh Kerajaan kepada keluarga B40 yang tidak berkemampuan untuk membeli laptop atau melanggan internet, lebih-lebih lagi bagi yang menerima surat tawaran untuk memasuki politeknik sekolah vokasional dan IPTA.
55. PR-1433-L10219  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jelaskan apakah kewajaran Khazanah Nasional Berhad meluluskan penggabungan UEM Sunrise, anak syarikat UEM Group Berhad dengan Eco World Development Group Berhad, yang dikatakan '*bail out*' untuk syarikat swasta menggunakan dana Kerajaan.
56. PR-1433-L10850  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan asas kelewatan menyediakan peruntukan terhadap menaik taraf loji air (rumah pam) di Gurun dalam Parlimen Jerai.
57. PR-1433-L10620  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mewujudkan '*Rental Relief Fund*' bagi melindungi golongan B40 dan peniaga yang terjejas akibat impak ekonomi COVID-19 daripada pengusiran dari rumah atau premis disewa.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.16/2020 ) Rang Undang-undang Perbekalan 2021 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 9 November, 2020 )**

**DAN**

**Usul dibuat oleh YB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-**

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah ( 9 November, 2020 )**

2. ( D.R 11/2020 ) Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2020 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 5 November, 2020 )**

**[ Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi ]**

3. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Dewan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.3 Tahun 2020 hendaklah diterima dan dipersetujui."

4. ( D.R 13/2020 ) Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

5. ( D.R.14/2020 ) Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 "

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

6. ( D.R 15/2020 ) Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
**[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]**
7. ( D.R.12/2020 ) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**
8. PR-1433-U(27)141  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."  
**[ Perdana Menteri ]**
9. PR-1433-U(27)144  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."  
**[ Perdana Menteri ]**
10. PR-1433-U(27)145  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangi berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."  
**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1433-U(27)146

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."

**[ Menteri Alam Sekitar Dan Air ]**

12. PR-1433-U(27)147

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

13. PR-1433-U(27)148

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."

**[ Menteri Kesihatan ]**

14. PR-1433-U(27)149

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

15. PR-1433-U(27)150  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."  
**[ Menteri Kewangan ]**
16. PR-1433-U(27)152  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."  
**[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]**
17. PR-1433-U(27)164  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**
18. PR-1433-U(27)166  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**

19. PR-1433-U(27)135

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendaatang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendaatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendaatang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut:

Tahun	Sabah	Sarawak
1951	334,141	
1960	454,561	
1970	636,431	976,269
1980	929,299	1,235,553
1991	1,734,685	1,642,771
2000	2,449,389	2,012,616
2005	3,313,000	2,340,000
2010	3,330,000	2,560,000

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

20. PR-1433-U(27)136

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasi impian Malaysia."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

21. PR-1433-U(27)137

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

22. PR-1433-U(27)138

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** akan mencadangkan :-

